



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
12 SEPTEMBER 2018 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- Denda ganggu haiwan liar

23



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 12 SEPTEMBER 2018 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Denda ganggu haiwan liar
Muka Surat	23

23

AMPANG. HULU LANGAT

Denda ganggu haiwan liar

Tindakan undang-undang boleh dikenakan atas kesalahan vandalisme

AHMAD ISMADI ISMAIL

TERATAI

Tindakan segelintir masyarakat yang dipercayai mengganggu proses menangkap haiwan liar di Taman Melur dianggap sebagai kesalahan vandalisme serta boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Mohamad Samat berkata, beliau kesal dengan sikap segelintir masyarakat yang dipercayai telah melepaskan monyet liar daripada sangkar yang telah dipasang di sekitar kawasan perumahan itu.

"Saya berharap masyarakat bersama-sama membantu melancarkan proses tangkapan haiwan liar ini," katanya.

Mohamad berkata, beliau bersama Pejabat Adun Teratai, MPAJ, Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ Zon 23 dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) telah memasang sebuah perangkap monyet di Padang Taman Melur Fasa Dua dan Tiga, Ta-

Mohamad (dua, kanan) ketika meninjau lokasi aduan haiwan liar.

Haiwan liar yang berjaya ditangkap.

info

MPAJ memasang perangkap monyet, babi hutan selepas mendapat aduan penduduk," katanya.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan gangguan monyet dan babi hutan menimbulkan kebimbangan penduduk di Taman Melur dan Taman Saga.

Penduduk, Mohd Firdaus Arif berkata, kehadiran sekumpulan monyet liar sejak enam bulan lalu itu menimbulkan ketidakelesaan penduduk terutamanya ketika mereka mahu melakukan ibadah dan menghadiri ke majlis ilmu di surau.

Dalam perkembangan sama, Setiausaha Kawasan Rukun Tertangga (KRT) Taman Saga, Masli Suratini berkata, penduduk mendakwa ter-nampak empat hingga lapan ekor babi hutan berkeliaran khususnya di jalan keluar masuk surau kawasan perumahan itu.

"Saya melihat usaha ini telah berjaya mengurangkan gangguan binatang liar ini. Namun masih kelihatan beberapa monyet berkeliaran, tetapi tidak menceroboh kediaman atau surau seperti yang berlaku sebelum ini.

"Begitu juga tiada kelihatan lagi kesan babi hutan yang merosakkan tanaman dan tong sampah pendu-